

# PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

No.20 MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR  
ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Laman Web : <http://www.lpp.gov.my>

E-mail : [info@lpp.gov.my](mailto:info@lpp.gov.my)

Email Bahagian : [lpqh\\_penyeliaan@lpp.gov.my](mailto:lpqh_penyeliaan@lpp.gov.my)

TEL : 03 - 2610 9600 FAX : 03 - 2697 0872 BAHAGIAN PENYELIAAN TEL : 03-2610 9600 FAX : 03-2697 0872

Ruj. Tuan : LPP (B) 5/4 (46)  
Ruj. Kami :  
Tarikh : 21 Jun 2013

## PEKELILING PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BILANGAN 1 TAHUN 2013

### TATACARA MEMBUAT LAPORAN POLIS / SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

#### 1. TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada Pertubuhan Peladang (PP) seperti berikut :

- a. Kategori kes-kes Pendaftar yang boleh dibuat laporan Polis atau SPRM; dan
- b. Pihak yang bertanggungjawab untuk membuat laporan tersebut.

#### 2. LATARBELAKANG

2.1 Pada masa kini tiada sebarang panduan dikeluarkan secara khusus bagi menentukan kes-kes Pendaftar yang perlu dilaporkan kepada pihak Polis atau SPRM dan orang yang bertanggungjawab untuk melaporkan kes-kes tersebut.

2.2 Secara amnya, kes-kes Pendaftar bermaksud kes-kes yang telah dirujuk kepada Pendaftar setelah kes-kes tersebut dibentang dan diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penguatkuasaan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).



- 2.3 Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penguatkuasaan LPP, kes-kes tersebut akan dilaporkan samada kepada pihak Polis atau SPRM mengikut merit sesuatu kes.

### **3. PUNCA KUASA**

#### **3.1 SEKSYEN 19, AKTA PERTUBUHAN PELADANG 1973 (AKTA 109 )**

"Pendaftar atau seseorang yang diberikuasa secara bertulis bagi maksud itu, adalah mempunyai kuasa:

- a. Untuk memeriksa akaun dan harta sesuatu PP atau unit-unit ahli PP itu; dan
- b. Untuk mengadakan suatu penyiasatan berkenaan dengan perjalanan urusan dan kaedah kewangan PP itu atau unit-unit ahli PP itu.

#### **3.2 PERATURAN 85, PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN PELADANG 1983**

"Pendaftar boleh, jika difikirkan perlu mengeluarkan arahan-arahan atau menetapkan borang-borang pada melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta dan Peraturan-Peraturan ini"

#### **4. JUSTIFIKASI KES-KES PENDAFTAR YANG PERLU DILAPORKAN KEPADA PIHAK POLIS/SPRM**

Justifikasi kes-kes Pendaftar yang boleh dibuat laporan Polis/SPRM adalah seperti berikut:-

- 4.1 Kes-kes jenayah seperti kes-kes kecurian, samun dan pencerobohan.
- 4.2 Bidang kuasa pihak polis lebih luas dan diluar skop kemampuan Pendaftar seperti mempunyai kepakaran di dalam pelbagai bidang sehingga boleh membuat "tracing" di Bank, 'interrogation' dan kuasa menangkap.
- 4.3 Kepakaran dan kemahiran teknikal yang mantap seperti mempunyai pasukan siasatan kukuh dan pakar di dalam bidang masing-masing.
- 4.4 Hukuman yang dikenakan lebih berat seperti penjara, sebatan, denda setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

#### **5. JENIS KES-KES PENDAFTAR YANG PERLU DILAPORKAN KEPADA PIHAK POLIS**

- 5.1 Kecurian/kehilangan - seperti rompakan, samun, kecurian dan pencerobohan.
- 5.2 Kebakaran - seperti kebakaran pejabat dan dokumen penting terbakar sebelum tamat tempohnya.

**6. JENIS KES-KES PENDAFTAR YANG PERLU DILAPORKAN KEPADA PIHAK SPRM**

- 6.1 Penyalahgunaan Kuasa/ Kedudukan/ Kemudahan Pejabat – mewujudkan akaun di PP atas nama sendiri / peribadi, melantik dan meluluskan projek kepada individu yang tidak layak, melantik kontraktor tanpa merujuk kepada Jemaah Pengarah PP.
- 6.2 Pemalsuan Dokumen / Penipuan – "Local Order" (L.O) palsu, Nota Hantaran palsu, projek tiada tetapi diwujudkan.

**7. JENIS KES-KES PENDAFTAR YANG BOLEH DILAPORKAN SAMADA KEPADA PIHAK POLIS ATAU SPRM**

Pecah Amanah Jenayah (CBT) – seperti mengambil wang atau harta benda serta manipulasi akaun untuk kepentingan diri sendiri.

**8. PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB MELAPORKAN KES-KES PENDAFTAR KEPADA PIHAK POLIS / SPRM**

8.1 Bagi kes-kes yang berlaku di PP yang melibatkan anggota LPP, kuasa untuk membuat laporan Polis / SPRM ialah Pendaftar atau wakilnya seperti berikut :-

- a. Wakil Pendaftar iaitu Pengarah LPP Negeri / Pengurus Besar MADA / KADA / Wakil Setiausaha Tetap Kementerian Permodenan Pertanian Negeri Sarawak – bagi kes-kes yang melibatkan kakitangan LPP di PP atau kakitangan MADA / KADA di PP .

8.2 Bagi kes-kes yang berlaku di PP yang melibatkan anggota PP / Jemaah Pengarah, kuasa untuk membuat laporan Polis / SPRM adalah seperti berikut :-

a. Pengerusi PP – bagi kes yang melibatkan Pengurus Besar / Kakitangan Iantikan PP dan Jemaah Pengarah.


(Bagi anggota yang di MADA / KADA / PP di Sarawak juga terpakai sepertimana yang dinyatakan di para 8.2 (a).

b. Pendaftar PP atau Wakil Pendaftar iaitu Pengurus Besar MADA / KADA / Wakil Setiausaha Tetap Kementerian Permodenan Pertanian Negeri Sarawak – bagi kes-kes yang melibatkan Pengerusi PP.

9. Walau apapun yang terkandung diperenggan-perenggan terdahulu, Pekeliling ini tidak boleh menghalang mana-mana pihak untuk membuat laporan terus kepada Polis / SPRM atau mana-mana pihak berkuasa.

#### 10. **TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling Pendaftar ini berkuatkuasa mulai 20 haribulan Jun Tahun 2013.



(DATO' ARPAN SHAH BIN SATU)

Pendaftar

Pertubuhan Peleadang